

Penjawat awam fasih bahasa Inggeris miliki kelebihan

**Nur Farah
Idayu Saadon,**
Perunding
Latihan, Institut
Tadbiran Awam
Negara (INTAN)

Keupayaan berkomunikasi dengan berkesan dalam bahasa Inggeris kini menjadi kemestian, terutama bagi pegawai perkhidmatan awam di negara ini.

Walaupun bahasa Melayu kekal sebagai tunjang identiti nasional dan pentadbiran negara, bahasa Inggeris penting dalam urusan diplomasi, perdagangan dan hubungan antarabangsa.

Justeru, pegawai perkhidmatan awam perlu dilengkapi kemahiran bahasa Inggeris kukuh untuk merundingkan dasar, berkomunikasi dengan rakan sejawat antarabangsa dan mewakili negara dengan berkesan.

Banyak agensi kerajaan, terutama berkaitan hubungan antarabangsa, perdagangan, pendidikan dan pelancongan bergantung kepada pegawai yang mampu menggubal dokumen rasmi, menyertai perbincangan serta merundingkan perjanjian dalam bahasa Inggeris. Pegawai mahir dalam bahasa ini akan memastikan kepentingan Malaysia diwakili dengan baik di peringkat global.

Menilai kemahiran bahasa Inggeris pegawai perkhidmatan awam bukan sekadar untuk lulus ujian, sebaliknya memastikan mereka mempunyai kecekapan menjalankan tugas dengan berkesan.

Inisiatif Program Pemeraksanaan Bahasa Inggeris (ELEP) di bawah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) misalnya, menjadi langkah penting dalam mengenal pasti kekuatan serta aspek yang perlu diperbaiki.

Dengan latihan disasarkan, pegawai dapat memperkukuh kemahiran komunikasi menjadikan mereka lebih yakin dan cekap mengurus hal ehwal antarabangsa.

Ketika Malaysia memegang Kepengerusian ASEAN 2025, keupayaan pegawai perkhidmatan awam berkomunikasi dengan berkesan dalam bahasa Inggeris menjadi semakin penting.

Menerajui ASEAN membabitkan rundingan besar, perbincangan dasar dan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan antarabangsa.

Kemahiran tinggi berbahasa Inggeris akan membolehkan Malaysia memimpin perbincangan serantau dengan yakin, memperkukuh hubungan diplomatik dan mempertahankan kepentingan nasional serta serantau di peringkat global.

Memandangkan bahasa Inggeris adalah bahasa rasmi ASEAN, pegawai perkhidmatan awam mesti bersedia mewakili Malaysia di peringkat tertinggi dengan jelas dan profesional.

INTAN nilai kecekapan penjawat awam

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar memberikan amanah kepada INTAN untuk melaksanakan penilaian awal kecekapan bahasa Inggeris bagi pegawai terbabit dalam Kepengerusian ASEAN 2025 Malaysia.

Inisiatif ini penting bagi memastikan penjawat awam bersedia melaksanakan peranan kepimpinan Malaysia dalam ASEAN.

Dengan mengenal pasti tahap kecekapan semasa dan aspek perlu diperbaiki, latihan berfokus dapat dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran ko-

munikasi pegawai.

Usaha ini bukan sahaja akan memperkukuh kedudukan Malaysia dalam ASEAN, bahkan meningkatkan keberkesanan keseluruhan perkhidmatan awam dalam urusan antarabangsa.

Wajar diingatkan, usaha menekankan kepentingan bahasa Inggeris tidak bermakna mengetepikan bahasa Melayu. Ia sebenarnya memperkukuh kelebihan linguistik Malaysia.

Perkhidmatan awam terus mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pentadbiran dan kerajaan, tetapi pegawai fasih kedua-dua bahasa memastikan Malaysia kekal kompetitif di peringkat domestik dan antarabangsa.

Di luar ASEAN, aspirasi Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi juga memerlukan tenaga kerja mahir dalam bahasa Inggeris.

Program seperti ELEP memastikan pegawai perkhidmatan awam bersedia untuk cabaran tadbir urus moden. Penguasaan bahasa Inggeris kukuh, di samping kefasihan dalam bahasa Melayu, akan membantu Malaysia membangunkan perkhidmatan awam bertaraf dunia berdaya saing di peringkat global.

Globalisasi dalam perniagaan dan teknologi juga mengubah cara kerajaan berinteraksi dengan sektor swasta serta organisasi antarabangsa.

Pegawai perkhidmatan awam fasih berbahasa Inggeris dapat memudahkan interaksi dengan syarikat multinasional, pelabur global dan delegasi asing.

Menyedari cabaran dan peluang ini, kerajaan Malaysia perlu terus melabur dalam latihan bahasa Inggeris untuk pegawai perkhidmatan awam.

Mewujudkan persekitaran menggalakkan pegawai untuk mempraktikkan dan meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris sama ada melalui bengkel, kerjasama antarabangsa atau interaksi profesional harian menjadi kunci kepada peningkatan kemahiran bahasa dalam jangka panjang.

“Di luar ASEAN, aspirasi Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi juga memerlukan tenaga kerja mahir dalam bahasa Inggeris”